

PETIKAN UCAPAN YB TUAN HAJI AKMAL NASRULLAH BIN HAJI MOHD NASIR, MENTERI EKONOMI SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN EKONOMI KALI KEDUA DI BILIK SEMINAR ARAS G, MENARA PRISMA PADA 25 FEBRUARI 2026

1. Dua (2) hari lepas, kita sudah melancarkan Banci Ekonomi 2026, di mana saya dapat melihat dapatan awal bancian ini menerusi reruai pameran serta perbincangan ketika itu bahawa bancian sudah pun bermula dan pegawai bancian kita sudah turun ke lapangan ketika ini. Cara kita menjalankannya adalah berfasa. Fasa pertama ini melibatkan kumpulan informal iaitu peniaga-peniaga kecil, penjaja dan sebagainya.
2. Ketika ini, saya difahamkan dan memang ada bertemu dengan dua-tiga orang petugas bancian, di mana mereka memaklumkan apabila pihak pembanci DOSM mendekati masyarakat (kumpulan sasaran) kita, mereka secara terbuka mahu bercerita. Sifat ini menunjukkan keterbukaan bahawa keadaan ekonomi kita agak baik.
3. Bagi dapatan statistik, kita perlu menunggu bancian itu selesai. Ini adalah sekadar maklum balas daripada petugas-petugas bancian. Kita juga sudah mencapai sekitar 400 ribu individu dan kumpulan yang dibanci. Insya-Allah kita akan mengakhiri proses bancian ini pada bulan Oktober dan dapatan muktamadnya akan dibentangkan pada suku pertama tahun 2027.
4. Tapi sudah pasti, saya berterima kasih banyak-banyak atas segala usaha yang berlaku pada bulan Januari hingga Februari ini, kerana di pihak saya dan timbalan sudah pastinya sibuk dengan Parlimennya dan segala jenis mesyuarat, tetapi alhamdulillah kita masih dapat menumpukan kepada beberapa pencapaian di luar sana.